

INFOLIB

PRA PELANCARAN DEKAD MEMBACA KEBANGSAAN PERINGKAT PSA



- Dekad Membaca Kebangsaan 2020-2030
- KL Ibu Kota Buku 2020
- World Quran Hour
- Jom Baca Bersama 10 Minit
- Star Reader Award
- Perkhidmatan Pintu ke Pintu
- Sudut Sastera
- Literasi Maklumat

DMK 2020-2030

Latarbelakang:

Diterajui oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Disokong dan dilaksanakan oleh semua Kem./Jab./Agensi. Memperkukuhkan lagi budaya membaca dalam kalangan pembaca serta meningkatkan peratusan rakyat yang membaca.

Slogan : #Malaysia Membaca

Tempoh Perlaksanaan :
2021-2030

Objektif:

1. Menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berbudaya membaca.
2. Menjadikan rakyat Malaysia berilmu bertaraf dunia.

Majlis PraPelancaran oleh YB Menteri Pendidikan pada 13 Dis 2018 di KPM, Putrajaya.

Majlis Pelancaran dijangka Sep 2019 oleh YAB PM bersempena Sambutan Hari

21 Mac 2019 Unit Perpustakaan telah mengadakan Pra Pelancaran Dekad Membaca Kebangsaan Peringkat PSA. Program sehari ini adalah sebahagian dari program Mathematics, English, Library, Science & Computer Innovation (MELSCI 2019). Unit Perpustakaan telah bergabung dengan Jabatan Sains Matematik dan Komputer & Jabatan Pengajian Am dalam menganjurkan MELSCI 2019 yang berlangsung selama 4 hari bermula 18 hingga 21 Mac 2019. Pengarah program Pra Pelancaran ini ialah Nurul Farhah Binti Dalail, dari Unit Perpustakaan.

Program yang dijalankan pada hari tersebut telah mengundang penerbit dan penulis buku dari Kasi Terbit Enterprise iaitu Cik Rohaniah Noor dan Cik Normi Nas. Cik Rohaniah telah berkongsi maklumat bersama pelajar dengan tajuk ceramah “Bagaimana penulisan anda boleh diterbitkan” manakala Sesi Bedah Buku bersama penulis Normi Nas untuk buku beliau berjudul “Backpack India : Punjab ke Kashmir”.

Seramai 709 pelajar dan 30 staf telah menghadiri program ini. Beberapa pihak turut memberi sumbangan untuk program ini seperti Utusan Karya telah menyumbangkan majalah, Karangkraf telah menyumbangkan novel manakala Nestle telah menyediakan sarapan berkhiasat kepada pelajar.

Majlis Pra Pelancaran ini disempurnakan oleh Puan Siti Aisyah Binti Sheikh Abdul Kadir selaku wakil Pengarah PNM. Beza antara Kempen Membaca Kebangsaan/Program Galakan Membaca dengan **Dekad Membaca Kebangsaan** ialah DMK lebih **menjurus bahan bacaan yang berkualiti** untuk mewujudkan masyarakat yang berilmu pengetahuan tinggi, cintakan Negara dan mempunyai etika yang terpuji. Sempena Pra Pelancaran ini slogan #PSAmembaca telah dilancarkan disamping penyampaian Star Reader Award 208 kepada pelajar dan staf PSA yang paling banyak membuat pinjaman buku Perpustakaan. Majlis turut disertai dengan gimik pelancaran dan persembahan flash mob yang diketuai oleh penyarah Lee Yong Yong. Hampir 100 pelajar menyertai persembahan flash mob ini.

ISSN 2180-3943



KATA ALUAN KETUA UNIT PERPUSTAKAAN

Assalamualaikum wrt. wbt.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah swt dan bertemu kita sekali lagi dalam penerbitan Majalah Infolib keluaran ke-36 Edisi Januari-Jun 2019. Disini ingin saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan tahniah di atas penerbitan seterusnya bulletin ini. Penerbitan ini diteruskan agar mudah untuk kita melihat aktiviti yang telah dilaksanakan untuk rujukan akan datang.

Tahun 2019, pelbagai aktiviti telah dirancang di sepanjang tahun ini bagi menggalakkan para pengguna menggunakan perkhidmatan yang terdapat di dalam perpustakaan PSA.

Penerbitan Buletin Infolib ini akan terus menjadi medium penghubung yang bermanfaat kepada semua pembaca dan pengguna. Perpustakaan sentiasa mengalu-alukan pandangan semua pihak bagi menambahbaik perkhidmatan Perpustakaan Akhir kata, saya juga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada semua, Maaf Zahir Batin dari kami di Unit Perpustakaan.



BERITA STAF

STAF SAKIT

Puan Norlina Ahmad telah menghidap penyakit SLE kira-kira 13 tahun lepas. Pada Disember 2018 beliau didiagnosis SLE Nefritis dan mula menjalani kimoterapi pada Februari 2019. Beliau perlu menjalani kimoterapi selama 6 kali. Walau bagaimanapun setelah menjalani 3 kali kimoterapi, beliau telah mendapat jangkitan kuman paru-paru pada bulan April 2019. Pada mulanya beliau merasa sakit dada dan sesak nafas. Beliau telah dimasukkan ke PPUM sebanyak 3 kali bermula April 2019 hingga Mei 2019. Kali ketiga dimasukkan ke wad, beliau tinggal di ICU selama 10 hari.

Sebanyak 2 kali solat hajat telah dibuat di Pusat Islam. Sumbangan wang tunai hasil kutipan dari staf PSA juga telah diberi kepada beliau pada bulan Mac 2019. Unit Perpustakaan juga telah beberapa kali mengunjungi beliau semasa di PPUM. Pada Jun 2019 beliau telah dibenarkan keluar dari hospital dan diberi cuti rehat hingga hujung bulan. Beliau memilih tinggal di rumah ibunya di Gombak untuk meneruskan rawatan dan berehat. Alhamdulillah berkat doa semua pihak, beliau kini telah beransur-ansur pulih dari jangkitan kuman tersebut. Syukur Ya Allah.

PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

UITM PUNCAK PERDANA

Pada 1 Feb hingga 29 Jun 2019, Unit Perpustakaan telah menerima 2 orang pelajar latihan industry dari UiTM Puncak Perdana iaitu Cik Norazma Alida Binti Razali dan Cik Asma Fatima Binti Awaluddin. Mereka berasal dari Marang, Terengganu dan Kuala Selangor.

Keterangan gambar, Kiri ialah Azma manakala kanan ialah Asma. Kehadiran mereka sangat membantu operasi Unit Perpustakaan. Komitmen mereka dalam membantu urusan Perpustakaan amat dihargai. Selamat Maju Jaya kepada mereka.




SEKITAR MAJLIS PRA PELANCARAN DEKAD MEMBACA KEBANGSAAN PERINGKAT PSA



Penerima Star Reader Award dari Kategori Siswa



Penerima Star Reader Award Kategori Staf



Permainan Kahoot turut diadakan kepada para pelajar



Pelajar tekun menjawab soalan permainan Sudoku dan teka silangkata yang menawarkan hadiah wang tunai RM 30



Gerei jualan buku dari syarikat Kasi Terbit, agen komik Gempak Starz dan pengedar buku akademik.



Pelajar pensyarah dan pelajar yang hadir dan mengambil bahagian dalam program ini.



Selain menyampaikan ceramah, penulis /penerbit dari Kasi Terbit, Cik Rohaniah Noor dan Cik Normi NAS turut membuka reruai jualan.

ANUGERAH STAR READER AWARD
SEMASA MAJLIS PRA PELANCARAN DEKAD MEMBACA KEBANGSAAN
PERINGKAT PSA DAN MAJLIS PENUTUP MELSCI 2019
21 MAC 2019



STAR READER AWARD KATEGORI PELAJAR SISWA

Memenangi hadiah wang tunai RM 200 beserta Sijil Penghargaan.

Dari Jabatan Kejuruteraan Awam

1. Muhammad Khairi bin Adam (08DBK 16F1039)

STAR READER AWARD KATEGORI PELAJAR SISWI

Memenangi hadiah wang tunai RM 200 beserta Sijil Penghargaan.

Dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal

1. Sandya A/P Radakrishnan (08DKM17F1209)

STAR READER AWARD KATEGORI PENSYARAH

1. Y.M. Tengku Mohd Aizan bin Tengku Mohammad JKM
2. Wan Majdah Binti Ton Mamat JKM
3. Khasniza Binti Ab Karim JPG
4. Aisyah Binti Abdul Razak JPA
5. Mazlina Binti Mahroji JKE

STAR READER AWARD KATEGORI STAF

1. Sitine @ Siti Nor Binti Loman JKA
2. Norsuraidah Binti Harun
3. Noor Asiah Binti Ali

ANUGERAH STAR READER AWARD
SEMASA MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN SATAF BIL 2/2019 PADA 8 MEI 2019
ANJURAN COMT


STAR READER AWARD JANUARI—APRIL 2019

1. MAZLINA BINTI MAHROJI—JKE
2. NORHAYATI BINTI AHMAD ALWI—ICT
3. SITI NORYANIE BINTI YUSOFF—JPA
4. TENGKU MOHAMAD AIZAN BIN TENGKU MOHAMMAD—JKM

KURSUS LITERASI MAKLUMAT PELAJAR SEM 1 & SEM 3 SESI DIS 2018



Penolong pustakawan, Ph. Nurul Farhah Binti Dalail sedang menyampaikan taklimat tentang penggunaan U-Pustaka kepada pelajar.



Kursus Literasi Maklumat telah diadakan sebanyak 2 kali iaitu pada 28-31 Januari 2019 dan 11-14 Februari 2019. Kursus ini bertujuan membantu pelajar Semester 1 meneroka penggunaan sistem ILMU dan upustaka. Manakala bagi pelajar Semester 3 pula, pendedahan literasi maklumat supaya dapat membantu mereka menjalankan penyelidikan kelak.



Kursus ini dilaksanakan di Bilik Multimedia Perpustakaan. Bagi pelajar Semester 1 mereka belajar mengenai cara mengakses portal U-Pustaka dan portal ILMU. Manakala bagi Semester 3 pula mereka akan meneroka pelbagai sumber terbuka yang terdapat di internet.

Jumlah pelajar yang hadir untuk Semester 1 ialah 301 pelajar manakala bagi 3 ialah 136 pelajar. Terima kasih di atas sokongan pensyarah dan pelajar semua dalam menjayakan kursus ini.



RUANG BACAAN TERBUKA

Ruang Bacaan Terbuka ini adalah satu inisiatif Perpustakaan, JPPF dan Jabatan untuk menambah bilangan kapasiti Perpustakaan PSA. Pada masa ini kapasiti Perpustakaan hanya 700 tempat duduk. Sehubungan itu diwujudkan lagi 235 tempat duduk di jabatan tertentu bagi memenuhi keperluan pelajar PSA. Ruang Bacaan Terbuka terdapat di:

JKA = 45 tempat duduk

JKE = 60 tempat duduk

JKM = 40 tempat duduk

JPG = 70 tempat duduk



Ruang Bacaan Terbuka di Jabatan Kejuruteraan Awam



Ruang Bacaan Terbuka di Jabatan Perdagangan



Ruang Bacaan Terbuka di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal



Ruang Bacaan Terbuka di Jabatan Kejuruteraan Elektrik

KOREAN-WEEK DAN BOLLY-WEEK



Objektif aktiviti adalah untuk menggalakkan dan menarik para pelajar datang ke perpustakaan serta mewujudkan suasana santai seperti di rumah kepada para pelajar.

Senarai filem yang ditayangkan semasa K-Week 25-30 Mac ialah:

A Moment To Remember
 Accidental Detective
 Along With The Gods : The Last 49 Days
 Along With The Gods : The Two Worlds
 Daddy You, Daughter Me
 Detective K :Secret Of The Living Dead
 Detective K :Secret Of The Lost Island
 Detective K :Secret Of Virtuous Widow
 Extreme Job
 Gonjiam : Haunted Asylum
 Miracle In Cell No. 7
 My Annoying Brother
 No Breathing
 Running Man 69
 Runnning Man 133
 Running Man 216
 Running Man 249
 Spellbound
 The Accidental Detective 2 : In Action
 The Princess and The Matchmaker
 The Wailing
 Whishing Stairs

Poster KOREAN-WEEK DAN BOLLY-WEEK



Atas.

Pelajar-pelajar sedang menonton tayangan filem.

Projek tayangan filem ini adalah salah satu cara untuk menarik minat pelajar ke Perpustakaan. Pelajar juga mendapat hiburan semasa berada di Perpustakaan.

SENARAI FILEM YANG DITAYANGKAN SEMASA B-WEEK 1-5 APRIL IALAH:

- ♦ 3 IDIOTS
- ♦ BAJRANGI BHAJJAN
- ♦ BOSS
- ♦ CHENNAI EXPRESS
- ♦ DHOOM 3
- ♦ DILWALE
- ♦ HICHKI
- ♦ KABHI KUSHI KABHI GHAM
- ♦ KAL HO NAA HO
- ♦ KUCHY KUCH HOO TA HAI
- ♦ MAIN HOON NAA
- ♦ MOHABBATEIN
- ♦ OM SHANTI OM
- ♦ TAARE ZAMEEN PAR

JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2019

PERINGKAT PSA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA POLITEKNIK MALAYSIA 50th Anniversary

JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2019

23 April 2019 | 11.00 - 11.10 am

Hadiah Menarik Menanti Anda!




Muat naik gambar anda sedang membaca di  dengan hashtag:
#JomBaca10Minit
#PSAmembaca
#PSAlibrary

Sebarang pertanyaan, hubungi  Psa_psaas  Facebook.com/perpustakaanpsa

23 April 2019, Program “Jom Baca Bersama 10 Minit 2019” telah diadakan serentak seluruh negara bermula pada jam 11 hingga 11.10 pagi. Program yang dimulakan oleh Derbadanan Perpustakaan Negeri Selangor ini telah diangkat menjadi program peringkat nasional bermula tahun 2014. Sambutan yang diterima semakin meningkat setiap tahun.

Unit Perpustakaan PSA juga turut serta dalam menjayakan aktiviti ini sebagai usaha untuk membudayakan tabiat membaca di kalangan pelajar. Program ini berlangsung di Bilik Teratai dengan kehadiran 65 pelajar dari pelajar-pelajar BEU 6A, BEU 4A dan BFM 2.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA POLITEKNIK MALAYSIA 50th Anniversary

Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2019 Peringkat Kebangsaan akan diadakan serentak seluruh Malaysia pada **23 April 2019** bermula pukul **11.00 pagi** hingga **11.10 pagi**.

Sehubungan itu, Unit Perpustakaan menjemput warga PSA (pelajar dan staf) untuk turut serta dalam program ini pada masa tersebut.

Hadiah Menarik Menanti Anda!

Caranya mudah sahaja;
BACA apa jua jenis bahan bacaan selama 10 MINIT di sekitar PSA dan muatnaik gambar anda di Instagram dengan hashtag: #JomBaca10Minit #PSAmembaca #PSAlibrary

JOM baca bersama untuk




23 April 2019 | 11.00-11.10 am

 Psa_psaas  Facebook.com/perpustakaanpsa

Program setengah hari ini telah diisi dengan sesi Buku Kegemaran Saya bersama Dr Mohd Siri Muslim-inin. Dr Siri telah memilih sebuah buku malar segar berjudul *7 Habits of Highly Effective People* karya Stephen Covey.

Selain itu, Unit Perpustakaan juga telah mengadakan pertandingan dengan memuat naik gambar pengguna sedang membaca di laman Instagram masing-masing dengan tanda pagar #Jombaca10minit, #PSAmembaca dan #psalibrary.

**** Demenang bagi pertandingan ini ialah Ali Ikram bin Kusnin dari program BFM. ****



JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2019

Sambutan Jom Baca 10 Minit Peringkat Kebangsaan anjuran Perpustakaan Negara Malaysia pula telah diadakan di Dewan Perdana, MITI. Sejumlah 37 pensyarah dan pelajar dari PSA terlibat dalam persembahan flash mob. Pensyarah Lee Yong Yong telah melatih dan membawa pelajar untuk persembahan tersebut. Peserta yang terlibat adalah seperti berikut:

1. LEE YONG YONG
2. NUR ALIYAH NADRAH BINTI AZLAN
3. DARREN JOEL SEVERINUS
4. AIMAN HAQQI BIN AB WAHAB
5. MUHAMMAD ARIF ASHRAF BIN ALIAS
6. AHMAD ILHAM AL-KARL BIN MOHD KHAIRUL ANUAR
7. PATTERSON ENJAT ANAK DEMPI
8. NURUL IZZAH BINTI MOHD ARIFFIN
9. SITI NUR SHAFINAZ BINTI ABDUL
10. SYAFIQAH BINTI MAT SAID
11. NUR FATIHAH BINTI MUHAMAD IRWAN
12. NURFARHANAH BINTI MOHD SUHAZAN
13. NURUL SYAMIMI BINTI MOHD NUR SIDDIQ CHIN
14. NUR HASYA HUSNA BINTI JAMIL
15. NURSAFIRAH NAJWA BINTI YUSOF
16. NUR SHAZREENA BINTI SUHAIMI SUBAS
17. NURNABILAH BT SHANGARI
18. UMMI UMAIMAH BINTI ABDULLAH
19. NURUL HUDA BINTI MOHD FAUZI
20. NUR AFIQAH BT HARUN
21. NUR IRFANAH BINTI ZAINULABIDIN
22. AIMAN DANIEL BIN RUMAIZI
23. MUHAMMAD DANIAL HAQIM BIN ROSLAN
24. HIDAYAH BINTI MOHD NOR
25. SHARIFAH NURUL BALQIS
26. CHIA HUI YUN
27. NUR AIN IZZATI BINTI AHMAD RAMLE
28. NUR ATHIFAH BINTI AHMAD NOR
29. NURHIDAYAH BINTI MUHAMMAD ZAKARIA
30. MOZREEN LIKI
31. AHMAD HADI HAKIMI BIN JAAFFAR
32. SUVANESWARI LOGANATHAN
32. ABDUL RAHMAN BIN MAHLI
33. IMRAN KASHIM BIN HANAFIAH
34. MAHARIEE BIN MAIL
35. MUHAMMAD ALIF NAJMI BIN ASRIN YUSAIRI
36. MUHAMMAD ZULFIKAR BIN ABDULLAH
37. MUHAMMAD SYAFIQ IZADI BIN JUMAT

PERINGKAT KEBANGSAAN



Ceria bersama KSU Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, YBhg. Datuk Isham bin Ishak



Turut serta dalam gambar di atas ialah Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, Pn. Maizan Binti Ismail




SENARAI AKTIVITI JAN—JUN 2019

TARIKH	AKTIVITI
28-31 JAN	KURSUS LITERASI MAKLUMAT PELAJAR SEM 1 SESI DIS 2018
1 FEB	LAPOR DIRI PELAJAR LATIHAN INDUSTRI UTM PUNCAK PERDANA, NORAZMA ALIDA BINTI RAZALI DAN ASMA FATIMA BINTI AWALUDDIN.
11-13 FEB	MOCK AUDIT APACC. SESI LAWATAN KE PERPUSTAKAAN PADA 12 FEBRUARI.
15 FEB	RANGEELA NIGHT. JAMUAN AKHIR TAHUN 2018 STAF
26-28 FEB	AUDIT APACC DI PSA. LAWATAN KE PERPUSTAKAAN PADA 27 FEBRUARI.
11-14 FEB	KURSUS LITERASI MAKLUMAT PELAJAR SEM 3 SESI DIS 2018
21 MAC	PRA PELANCARAN DEKAD MEMBACA KEBANGSAAN PERINGKAT PSA SEMPENA PROGRAM MELSCI 2019 DI DEWAN AL JAZARI PSA. ANJURAN BERSAMA JMSK DAN JPA.
25-29 MAC	KOREAN-WEEK
1-5 APRIL	BOLLY-WEEK
17 APRIL	WORLD CONVENTION SURAH AL-KAHFI : ROAD TO QURAN HOUR 2019 DI DEWAN MUKTAMAR PUSAT ISLAM, KL
23 APRIL	PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT BERSAMA DR SIRI MUSLIMIN, JPG
18 APRIL	PERJUMPAAN PERTAMA UNTUK KERJASAMA DENGAN PERPUSTAKAAN UTM. WAKIL PTAR IALAH EN. NORHAZLAN BIN NORDIN DAN WAN SUZIENANI WAN SULONG.
8 MEI	PERHIMPUNAN BULANAN PSA BIL 2/2019. ANUGERAH STAR READER AWARD BULAN JANUARI—APRIL 2019
29 MEI	MENERIMA SUMBANGAN NOVEL DARI DR. AZIAM MUSTAFA, JPG
30 MEI	WORLD QURAN HOUR BERSAMA US. MUHAMMAD SAFWAN BIN ABDULLAH, JPA. ANJURAN BERSAMA DENGAN PUSPANITA PSA.
29 JUN	JAMUAN HARI RAYA UNIT PERPUSTAKAAN DAN TAMAT PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

30 Mei 2019, World Quran Hour telah diadakan serentak seluruh negara sempena 25 Ramadhan. World Quran Hour pada tahun ini telah mengambil Surah Al-Kahfi untuk dihuraikan.

Unit Perpustakaan telah bekerjasama dengan Puspanita PSA dalam menjayakan program ini. Program ini diadakan di Pusat Islam. Selain khatam Quran, program ini turut menjemput Us. Safwan bin Abdullah untuk mentadabbur surah Al-Kahfi. Berikut adalah agihan surah yang telah diselesaikan di Peringkat jabatan/unit masing-masing.

JABATAN/UNIT	AGIHAN SURAH
JKE	Surah Al Fatihah hingga
JKA	Surah Al Maidah hingga
JKM	Surah Al Anfal hingga Su-
JPG	Surah Yusof hingga Surah
JPA	Surah Maryam hingga Su-
JMSK	Surah Asy-Syu'ra' hingga
UPUP/UEL/CRI	Surah Fathir hingga Surah
JHEP/JSKK/UPP/	Surah Shad hingga Surah Ghafir
UTM	Surah Fussilat hingga Su-
JPPro	Surah Az-Zukhruf hingga
UPLI	Surah Al-Ahqaf hingga
CISEC	Surah Qaf hingga Surah Al-
LIB	Surah Ar-rahman hingga
UKP/UKew/UP	Surah Al-Hasyr hingga
CMET	Surah An-Nisa'
UPAS/UBI/UKKP	Surah At-Thalaq ingga
UJK	Surah 'Abasa hingga Surah
MAJLIS KHA-	Surah Ad-Dhuhaa hingga



Misi Al-Kahf 2019/ 1440H

WORLD #QuranHour

Interaksi dengan al-Quran

BACA • FAHAM • AMAL

WORLD #QURANHOUR & KHATAM AL-QURAN PSA

“ Saya menyokong kempen
World #QuranHour,
Jom **berinteraksi** selama **1 Jam**
dengan **al-Quran** ”

DR. HJ MOHD ZAHARI ISMAIL
PENGARAH





25 Ramadan 1440H/ 30 Mei 2019 | 12:00 - 1:00 petang

Berhenti sebentar untuk **BERINTERAKSI** dengan **AL-QURAN** selama **1 JAM**

UMMAHIKHLAS 

Poster World Quran Hour 2019



AUDIT APACC 26 hingga 28 Februari 2019

AUDIT APACC PADA 26 HINGGA 28 FEBRUARI 2019 PENEMUAN AUDIT

Lawatan Audit APACC ke Perpustakaan telah dilaksanakan pada 27 Februari 2019 pada sebelah pagi. Selain Perpustakaan lawatan ini juga melibatkan lawatan ke Gerai My Best Buy, CMET, JKA dan JKM. Lawatan ke Perpustakaan dimulakan dengan penerangan ke setiap sudut dan semua perkhidmatan yang terdapat di Perpustakaan oleh Pn. Nurul Farhah Dalail dibantu oleh Pn. Norhayati Majid. Dalam audit ini semua staf telah berganding bahu menyiapkan tugas masing-masing.

Lawatan ini juga diiringi oleh AMP, auditor dalaman dan pemerhati audit. Sebagai kenang-kenangan buku terbitan PSA telah dihadiahkan kepada setiap seorang auditor APACC. Terima kasih semua pihak yang membantu Perpustakaan.



MOCK AUDIT APACC 11-13 Februari 2019



Mock Audit APACC telah dijalankan pada 11-13 Februari 2019. Sesi lawatan mock audit ke atas Unit Perpustakaan telah berjalan pada 12 Februari 2019. Perpustakaan diwakili oleh Pn. Nurul Farhah Dalaiil dan Pn. Siti Fatimah Wahab. Audit ini telah dibuat oleh pegawai dari PVO iaitu

1. En. Tan Sui Chee
2. Pn. Yong Rashidah Binti Mat Tuselin

Sesi lawatan telah dilakukan oleh Pn Yong Rashidah manakala sesi soal jawab dibuat oleh En Tan Sui Chee.

Dapatan dari audit ini telah diambil maklum dan telah dilaksanakan sebelum audit sebenar APACC.



RANGEELA NIGHT (DINNER PSA) 15 Februari 2019



Malam Jamuan Akhir Tahun PSA 2018 yang berte-makan "Rangeela Night". Staf Perpustakaan juga hadir dengan mengikut tema bagi memeriahkan maj-lis.



Jamuan Raya unit perpustakaan serta majlis meraikan pelajar Intern Uitm yang tamat menjalani latihan industri. Sedikit cenderahti sebagai tanda kenangan untuk para pelajar Intern yang telah menjalani latihan di unit perpustakaan selama 5 bulan dari Feb hingga Jun 2019.





KOLEKSI BUKU
INI TELAH DI-
SUMBANGKAN
OLEH DR.AZIAM
DARI JPG UN-
TUK DIJADIKAN
BAHAN BACAAN
DI PER-
PUSTAKAAN



PROGRAM PENERIMA S.E.A WRITE AWARD DAN PENULIS MAPAN SERTA SUDUT SASTERA DI INSTITUSI PENDIDIKAN

YB Menteri Pendidikan mencadangkan Politeknik dan Kolej Komuniti mengadakan program bersama-sama dengan Sasterawan. Usaha ini dilaksanakan bagi menyemai apresiasi dan mengetengahkan pengalaman dan sumbangan luas para sasterawan kepada pelajar. Lanjutan daripada itu pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), mengesyorkan program rintis ini dimulakan dengan penerima S.E.A Write Award dan Sasterawan Mapan.

Menurut pihak DBP juga, YB Menteri juga menyatakan keperluan untuk mewujudkan Sudut Sastera di Institusi Pendidikan bagi memperkenalkan dan mempromosi Sasterawan Negara dan hasil karya mereka. Tiga institusi yang terlibat dalam projek ini ialah:

1. Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
2. Politeknik Banting Selangor dan
3. Kole Komuniti Hulu Langat

Perjumpaan bersama Dewan Bahasa, pihak JPPKK dan institusi terlibat telah berlangsung di Putrajaya pada 30 Mei 2019.

Antara pendekatan yang dicadangkan untuk dilaksanakan ialah :

1. Sudut Sastera
2. Karyawan Tamu
3. Interaksi—Baca Puisi
4. Ceramah

Program pertama akan dibuat pada 24 Julai 2019 di DBP iaitu Kedai Kopi Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh. Ini adalah sebahagian usaha untuk mempromosikan sasterawan Negara, penerima SEA Write Award dan penulis mapan kepada pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti.

KL IBU KOTA BUKU DUNIA 2020



Majlis Pengiktirafan Kuala Lumpur World Book Capital (KL WBC) pada 12 November 2018 oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan di DBKL.

Jawatankuasa Induk ialah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Teras 1: Kepelbagaian aktiviti pembacaan, kesusasteraan dan kebudayaan.

Contoh aktiviti yang telah dilaksanakan ialah Jom Baca Bersama 10 Minit dan World Quran Hour.

BUKU YANG DIPILIH SIMPAN DAN KOLEKSI RETRO DI BILIK KENANGA

Bilik Kenanga di luar surau Perpustakaan ada menempatkan buku-buku yang dipilih simpan. Selain itu terdapat juga buku koleksi Retro yang disimpan disini. Buku buku berusia 20 tahun dan tidak dipinjam pelajar akan disimpan ke dalam koleksi Buku Pilih Simpan. Buku Koleksi Retro ialah satu simpanan buku lopus.

PERKHIDMATAN PINTU KE PINTU

POLITEKNIK MALAYSIA

PERPUSTAKAAN PSA

PERKHIDMATAN PINTU KE PINTU!

LIBRARY2U

Objektif


- Untuk meningkatkan jumlah peminjaman bahan bacaan.
- Untuk memudahkan cara mendapatkan buku.

Kaedah

1. Peminjam emel senarai bahan kepada perpustakaan di 'azleena@psa.edu.my'.
2. Bahan akan dihantar kepada peminjam.
3. Peminjam perlu memulangkan bahan sebelum tamat tempoh.

BENGKEL WARGA STAF PERPUSTAKAAN SISTEM IRS (PSA INSTITUTIONAL REPOSITORY “De space”)

Unit perpustakaan telah mewujudkan satu pangkalan data online bertujuan untuk menyimpan segala sumber maklumat dan ilmu di dalam satu sistem bagi memudahkan para pengguna untuk mendapatkan sumber rujukan dari perpustakaan. Bengkel ini dilaksanakan pada bulan Januari 2019 selama 3 hari di Bilik Multimedia. Kandungan bengkel ini meliputi cara-cara proses memasukkan data ke dalam sistem yang dipanggil IRS (Repository), pencarian maklumat, interface sistem dan pelbagai input yang berkaitan dengan sistem IRS.



<http://repository.psa.edu.my/>

**PERPUSTAKAAN
POLITEKNIK PREMIER
SULTAN SALAHUDDIN
ABDUL AZIZ SHAH**

**Persiaran Usahawan,
Seksyen U1,
40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Tel:
03-51634000**

**Talian Terus:
(Pn Siti Fatimah)/1265
(Pn. Norhayati)/1266
03-51634000
(Pejabat)
No Faks:
03-5569 1903
PORTAL ILMU:
<http://polpsalib:8080>
Email :pustaka@psa.edu.my**

**WAKTU OPERASI
PERPUSTAKAAN**

ISNIN - JUMAAT

8.00 PAGI - 6.00 PETANG

CUTI SEMESTER :

WAKTU PEJABAT SAHAJA

ISNIN-KHAMIS :

8.00 PAGI - 1.00 TENGAHARI

2.00 PETANG - 5.00 PETANG

JUMAAT:

8.30 PAGI—12.00TENGAHARI

2.30 PETANG - 5.00PETANG

TUTUP:

SABTU & AHAD SERTA CUTI UMUM

PENGARAH

DR. HJ. MOHD. ZAHARI BIN ISMAIL

TIMBALAN PENGARAH SOKONGAN AKADEMIK

ZALINA BINTI ISMAIL

KETUA JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN FASILITI

BIBIE SARA BINTI SALLEH

KETUA UNIT

NORHAYATI BINTI MAJID

PUSTAKAWAN KANAN

SITI FATIMAH BINTI WAHAB

PENOLONG PUSTAKAWAN

NURUL FARHAH BINTI DALAILL

PEMBANTU PUSTAKAWAN

PUAN NOR PARASILA BINTI AHMAD KAMALI

NORLINA BINTI AHMAD

AZLEENA BINTI BASIRON

SALINAH BINTI SALLEH